

Tipu: Bekas pengurus bank dipenjara 75 tahun, 16 sebatan, denda RM40 juta



DIHUKUM: Tertuduh (tengah) dibawa keluar dari kamar Mahkamah Sesyen semalam selesai dijatuhkan hukuman. — Gambar Mohd Faisal Ahmad

KUCHING: Seorang bekas pengurus perhubungan bank di Kuching dijatuhi hukuman penjara keseluruhan 75 tahun, 16 sebatan dan denda RM40 juta di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah atas 16 pertuduhan membabitkan penipuan dan lapan pertuduhan pengubahan wang haram (AMLA).

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu terhadap Kho Yung Kang, 39, yang mengaku bersalah terhadap 16 pertuduhan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan membabitkan kesalahan penipuan melalui skim pelaburan 'Bond' yang tidak wujud.

Manakala lapan lagi pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

Bagi 16 pertuduhan berkaitan kes tipu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara antara tiga dan empat tahun serta satu sebatan bagi setiap pertuduhan, dengan semua hukuman itu berjalan serentak dan berkuat kuasa dari tarikh reman pada 23 Mei 2025.

Untuk lapan pertuduhan di bawah AMLA, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun bagi setiap pertuduhan berkuat kuasa dari tarikh sabitan hari ini (2 September 2026), dengan semua hukuman berjalan serentak, selain denda RM5 juta.

Jumlah denda bagi lapan pertuduhan AMLA itu ialah RM40 juta dan sekiranya gagal membayar, tertuduh bakal berdepan hukuman penjara 18 bulan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh yang ketika itu merupakan pengurus perhubungan di sebuah bank di sini menggunakan skim pelaburan 'Bond' yang

tidak wujud untuk mendapatkan wang daripada pelanggan bank.

Siasatan mendapati antara 21 Mac 2022 hingga 11 Jun 2024, tertuduh menyebabkan 16 pemindahan wang tanpa kebenaran berjumlah RM1,587,971.48 daripada akaun lapan pelanggan bank tersebut tanpa pengetahuan, kuasa atau persetujuan mereka.

Perbuatan itu menjadi asas kepada kesalahan penipuan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Wang daripada transaksi berkenaan kemudiannya dipindahkan ke beberapa akaun pihak ketiga sebelum sebahagiannya diterima dan digunakan tertuduh untuk kepentingan sendiri, termasuk bagi membayar hutang peribadi, komisen dan kerja pengubahsuaian.

Tipu: Bekas pengurus bank dipenjara 75 tahun, 16 sebatan, denda RM40 juta

► Dari Muka 1

Tindakan tertuduh menerima dan menggunakan wang yang diketahui atau mempunyai sebab untuk dipercayai sebagai hasil aktiviti haram itu membawa kepada lapan pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(b) AMLA 2001 (Akta 613).

Kes dikendalikan secara berasingan oleh Timbalan

Pendakwa Raya (DPP) Maryam Jamielah Ab Manaff daripada Jabatan Peguam Negara Putrajaya bagi pertuduhan AMLA dan DPP Chuah Kai Sheng bagi pertuduhan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Tertuduh tidak diwakili peguam. Kes disiasat oleh Superintenden Seah Chong Seng dan Inspektor Jeniffer Kon Tze Ee.